

# **MAJLIS PENYAMPAIAN CEK INSURANS KELOMPOK KOPERASI TENTERA KEPADA WARIS ALLAHYARHAM MUHAMMAD MU'AZ BIN HASBULLAH@AHMAD**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3998-majlis-penyampaian-cek-insurans-kelompok-koperasi-tentera-kepada-waris-allahyarham-muhammad-mu-az-bin-hasbullah-ahmad](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3998-majlis-penyampaian-cek-insurans-kelompok-koperasi-tentera-kepada-waris-allahyarham-muhammad-mu-az-bin-hasbullah-ahmad)

JERAM, 11 Okt 18 - Majlis Penyampaian Cek Insurans Kelompok Allahyarham Peg Kadet Udara Muhammad Mu'az bin Hasbullah@Ahmad Azzali kepada keluarga beliau telah dilaksanakan di kediaman keluarga arwah.

PK U Muhammad Mu'az bin Hasbullah@Ahmad Azzali merupakan Pegawai Kadet PALAPES Udara UITM yang telah meninggal dunia pada 11 Jul 17 akibat kemalangan jalanraya. Penyampaian cek insurans kelompok ini telah disempurnakan oleh Pengarah PSTU, Kol Hj Ahmad Roslan Zaki bin Hj Abdul Ghani TUDM. Majlis ini turut dihadiri oleh Ajutan dan Jurulatih PALAPES Udara UITM Shah Alam.

